

# Muhammad Hakimi, Saritha cemerlang

**Serdang:** Atlet lompat kijang negara, Muhammad Hakimi Ismail, dan pemanah kebangsaan, Saritha Cham Nong, dinobatkan sebagai Olahragawan serta Olahragawati Universiti Putra Malaysia (UPM) 2016.

Kemenangan itu menyaksikan masing-masing menerima hadiah wang tunai RM1,000 berserta jaket, trofi, jam tangan dan sijil disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, pada Majlis Anugerah Sukan UPM Ke-32 di sini, baru-baru ini.

Muhammad Hakimi, 25, yang merupakan pemegang

rekod kebangsaan dan Sukan SEA kini dalam misi melayakkan diri ke Sukan Olimpik di Brazil pada Ogos depan.

“Diharapkan saya mampu memperbaiki lompatan sejauh sembilan sentimeter lagi daripada catatan peribadi-16.76 meter sebelum ini,” katanya yang sedang mengikuti pengajian Bacelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani) di Fakulti Pengajian Pendidikan UPM.

### Pasukan cemerlang

Sementara itu Anugerah Olahragawan Harapan diraih mahasiswa Bacelor Komunikasi, Mohamad Lutfi Othman yang juga

atlet sukan menembak, manakala Anugerah Olahragawati Harapan menjadi milik pelajar Bacelor Pentadbiran Perniagaan, Raden Nur Najwa Arifah Raden Dzulfakar (tenpin boling).

Anugerah Pasukan Cemerlang pula diterima ragbi dan futsal Wanita; Anugerah Pengurus Pasukan Cemerlang - Muhammad Zyuraidi Abd Najid (jurulatih ragbi), Mohd Raziziz Midin (jurulatih sepak takraw), Faiz Mokhtar Lopi (jurulatih memanah), Nor Azmi Sulaiman (jurulatih futsal wanita), Muhammad Malik Ahmad Tobias (jurulatih olahraga) dan Alansaufi Ahmad Sopian (jurulatih hoki).



**Muhammad Hakimi dan Saritha** dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati UPM 2016.